



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI**  
**DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN**  
**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TARIKH/MASA:

**17 MAC 2024 (AHAD)**  
**6.00 PETANG**

TEMPAT:

**MASJID SULTAN MAHMUD**  
**BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH, DUNGUN**  
**TERENGGANU DARUL IMAN**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **SALUTASI**

(Akan diberikan pada hari program)

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al Muktafi Billah Shah pada petang ini.
2. Dengan hati yang tulus, saya mewakili Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengucapkan selamat menunaikan ibadah berpuasa kepada semua yang hadir pada majlis ini.
3. Majlis pada hari ini merupakan siri ketiga bagi jelajah Majlis Santunan Kasih Ramadan yang diadakan di seluruh negara. Bermula dengan siri pertama, saya berada di Kluang, Johor dan siri yang kedua di Tanah Merah, Kelantan. Alhamdulilah

pada hari ini bersamaan 6 Ramadan 1445 Hijrah, kita berhimpun di Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu.

4. Saya dapat merasai bahawa **Majlis Santunan Kasih Ramadan** yang diadakan pada hari ini amat bermakna, kerana ia dapat merapatkan jalinan ukhuwah di antara pihak KKDw, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) bersama masyarakat desa di Wilayah KETENGAH. Majlis ini merupakan satu perhimpunan yang mulia dan bermakna bagi umat Islam terutamanya rakyat Negeri Terengganu amat saya kasihi.
5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan syabas dan tahniah kepada KKDw dan KETENGAH khususnya di atas kejayaan menganjurkan Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.

## **RAMADAN BULAN PENUH BARAKAH**

**Hadirin sekalian,**

6. Bulan Ramadan merupakan bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam pada setiap tahun, kerana bulan ini merupakan bulan yang penuh keberkatan dan kerahmatan.

Bulan inilah umat Islam dapat melipat gandakan amalan selain mengharap rahmat dan keampunan dari Allah SWT.

7. Saya ingin memetik Firman Allah SWT dalam Surah Al Baqarah ayat 183 yang bermaksud, '*Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kalian berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertaqwā*'.
8. Sehubungan itu, marilah kita menyambut Ramadan dengan penuh kegembiraan kerana pintu kebaikan dibuka seluas-luasnya dengan gandaan pahala yang ditawarkan kepada mereka yang melakukan kebaikan. Saya mendoakan agar kita semua dianugerahkan kesihatan diri yang baik dan dipermudahkan untuk menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan dengan sempurna hingga ke penghujung Ramadan dan tergolong dalam golongan orang-orang yang bertakwa di sisi Allah SWT.

## **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KKDW**

**Hadirin sekalian,**

9. Ingin saya nyatakan di sini bahawa KKDW sentiasa peka dan prihatin kepada masyarakat desa selaras dengan matlamatnya bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan dalam pelbagai

aspek sama ada dari segi infrastruktur, sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran.

10. Justeru, pada tahun ini KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion dengan pecahan RM4.12 bilion yang merupakan Peruntukan Mengurus dan RM7.44 bilion untuk Peruntukan Pembangunan. Peruntukan pada tahun ini adalah 4.7 peratus atau RM513.8 juta lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2023.
11. Berdasarkan kepada amaun yang telah diluluskan, KKDW berada di tempat ketiga selepas Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Ini menunjukkan Kerajaan pada hari ini amat prihatin dan menitikberatkan pembangunan dan kesejahteraan terhadap masyarakat di perdesaan selari dengan matlamat Malaysia MADANI yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri. Matlamat ini berlandaskan kepada enam perkara, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan yang menjadi tonggak dalam memacu hala tuju negara kita pada hari ini.

## **HALA TUJU STRATEGIK**

12. Saya turut berbesar hati ingin memaklumkan bahawa pada tahun ini, KKDW memfokuskan kepada 6 bidang utama yang

akan dijadikan sebagai ‘game changer’ atau pengubah keadaan bagi pembangunan desa. 6 bidang utama yang dimaksudkan ini merangkumi Ekonomi dan Keusahawanan, Pengukuhan Tadbir Urus, dan Kemampuan Agensi serta Anak Syarikat, Pendidikan, Infrastruktur dan Teknologi, Kepimpinan Desa serta Tatakelola dan Sistem Penyampaian.

13. Sejumlah 62 program yang telah ditetapkan dalam pelbagai aspek bagi meningkatkan kualiti masyarakat desa dan sebagai strategi yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan desa sejajar Aspirasi Desa Madani.

## **PROGRAM PEMBANGUNAN KETENGAH**

14. Sepertimana saya telah nyatakan bahawa KKDW telah diberikan bajet antara yang terbesar di dalam belanjawan negara tahun 2024. Ini merupakan satu amanah yang besar dan perlu dipikul bersama-sama. Oleh yang demikian, kementerian telah dan akan mengambil langkah untuk meneliti keberkesanan impak setiap program yang telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan kumpulan sasar menerima manfaat yang sebaiknya.
15. KETENGAH selaku agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di bawah KKDW perlu sentiasa memainkan peranan dalam membantu masyarakat pedesaan khususnya di

Wilayah KETENGAH yang melibatkan Daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu.

16. Pada tahun ini sahaja, terdapat 10 program atau projek baru yang telah diluluskan kepada KETENGAH dalam *Rolling Plan Keempat* (RP4) Tahun 2024 dalam memperkasakan infrastruktur asas, pembangunan keusahawanan, dan menaiktaraf beberapa kemudahan bagi menggalakkan pelancongan di kawasan tersebut dan berbagai lagi yang kini sedang giat dilaksanakan.
17. Selain itu, sehingga Mac 2024 sejumlah RM1.668 juta peruntukan bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Pasca Banjir telah diluluskan kepada KETENGAH khususnya untuk daerah Dungun yang melibatkan 76 unit baik pulih dan 8 unit bina baharu.
18. Kos bantuan untuk **setiap unit** bagi skop baik pulih ialah RM15,000 manakala bagi bina baharu ialah RM66,000. Semua ini bagi memastikan keselesaan kepada rakyat Negeri ini tanpa mengira bangsa dan fahaman politik.
19. Saya berharap dan berdoa agar warga KETENGAH terus memberi komitmen yang jitu dan diberi kekuatan untuk meneruskan perjuangan bagi membangunkan luar bandar demi agama, bangsa dan negara kita yang tercinta.

## **BULAN RAMADAN MERINTIS PEMBANGUNAN USAHAWAN HALAL**

**Hadirin sekalian,**

20. Memandangkan setiap kali bulan Ramadan, kita akan menyaksikan ramai cuba mengambil peluang menambah pendapatan dengan menjual pelbagai barang terutamanya produk makanan dan minuman di bazar-bazar Ramadan seluruh negara.
21. Boleh dikatakan hampir kesemua peniaga-peniaga juadah di bazar Ramadan adalah masyarakat Muslim yang sebahagian produk jualan mereka mempunyai potensi yang tinggi untuk memperoleh persijilan halal untuk dipasarkan dengan lebih meluas hingga ke luar negara.
22. Saya ingin nyatakan bahawa pada ketika ini, masih terdapat 80% jurang antara permintaan dan pengeluaran produk halal global. Sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal, saya melihat Industri halal amat penting kepada ekonomi Malaysia kerana ia memberi nilai tambah, menggalakkan perdagangan dan pelaburan, menyediakan peluang pekerjaan dan memberi perlindungan kepada pengguna dari aspek keselamatan produk.

23. Tambahan pula, menjelang tahun 2030, potensi pasaran halal untuk pengguna muslim sahaja dijangka mencecah USD 113.3 bilion di peringkat domestik, manakala di peringkat global, ianya akan mencecah sehingga USD 5.0 Trilion.
  
- 24. Justeru, saya berharap sekiranya usahawan-usahawan tempatan ingin merebut peluang untuk terus ke hadapan dalam membangunkan produk halal yang berkualiti yang ketika ini hanya terdapat 38.7% (3,562) sahaja syarikat Bumiputera yang memperoleh persijilan halal dari keseluruhan 9,815 syarikat di Malaysia yang telah dipersijilkan halal.**
  
25. InsyaAllah, sebagai Menteri KKDW, saya telah berusaha untuk mempergiatkan usaha ini dengan menggerakkan agensi-agensi di bawah KKDW termasuk KETENGAH dalam membantu usahawan yang ingin mengembangkan potensi perniagaan masing-masing dengan memperoleh persijilan halal, agar dibantu sewajarnya demi membangunkan ekonomi khususnya Bumiputera secara keseluruhannya.

## **PENUTUP**

**Hadirin sekalian,**

26. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang lama berucap pada petang ini. Saya berharap majlis yang diadakan ini dapat mengerat dan memantapkan hubungan sesama kita dengan penuh keikhlasan tanpa mengira latar warna dan politik masing-masing.
27. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini termasuk rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan.
28. Tahniah juga diucapkan kepada KETENGAH serta semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah Peringkat KKDW di Negeri Terengganu.
29. Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan semoga yang hadir pada petang ini di Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.